

## Spesifikasi Kontrak FTIN

Kod Kontrak	FTIN
<b>Instrumen Pendasar</b>	Logam timah diperhalusi ASTM Gred A spesifikasi B 339.93, dengan kandungan minimum timah pada kadar 99.85% Sn untuk mana-mana jenama seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Kuala Lumpur Tin Market (KLTM), atau mana-mana spesifikasi teknikal bagi logam timah yang menjadi pendasar bagi harga rasmi timah fizikal yang diterbitkan oleh Pasaran Timah Kuala Lumpur ("KLTM Price") dari semasa ke semasa.
<b>Kaedah Penyelesaian</b>	Penyelesaian Tunai
<b>Saiz Kontrak</b>	1 tan metrik
<b>Turun Naik Harga Minimum</b>	1 Dolar AS per tan metrik
<b>Bulan Kontrak</b>	Bulan terkini dan 11 bulan yang berikut, serta selepasnya, sehingga 12 bulan berikutnya.
<b>Waktu Dagangan</b>	Isnin hingga Jumaat <b>Sesi Dagangan: (Waktu Malaysia)</b> Jam 0900 – 1200 Jam 1330 – 1500  <b>Hari Perniagaan:</b> Mengikut Hari Perniagaan KL

## Spesifikasi Kontrak FTIN

Kod Kontrak	FTIN
<b>Had Harga Harian</b>	<p>Seharusnya tiada dagangan yang dijalankan pada harga melebihi 10% di atas atau di bawah harga penyelesaian Hari Perniagaan sebelumnya (“Had 10%”) kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Jika Kontrak bulan terkini didagangkan pada Had 10%, Bursa akan mengumumkan satu tempoh bertenang 10-minit (“Tempoh Bertenang”) untuk Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) yang semasa itu dagangan hanya boleh berlaku dalam lingkungan Had 10% untuk Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini).</li><li>• Selepas Tempoh Bertenang, Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) akan ditentukan sebagai diganggu untuk tempoh 5 minit, yang selepasnya had harga akan ditingkatkan kepada 20%. Harga yang didagangkan untuk Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) hendaklah kemudiannya berubah tidak melebihi 20% lebih atau kurang daripada harga penyelesaian pada Hari Perniagaan sebelumnya (“Had 20%”).</li><li>• Jika Kontrak bulan terkini didagangkan pada Had 10% kurang daripada 30 minit sebelum tamat sesi dagangan pertama, Had 10% akan dikenakan ke atas Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) untuk baki sesi dagangan pertama, dan Had 20% akan dikenakan ke atas Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) semasa sesi dagangan kedua.</li><li>• Jika Kontrak bulan terkini didagangkan pada Had 10% kurang daripada 30 minit sebelum tamat sesi dagangan kedua, Had 10% akan dikenakan ke atas semua Kontrak daripada semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) untuk baki Hari Perniagaan tersebut.</li><li>• Pada mana-mana Hari Perniagaan selain Hari Dagangan Terakhir, had harga dalam perenggan di atas dikenakan kepada semua dagangan dalam Kontrak semua bulan kontrak termasuk bulan terkini. Pada Hari Dagangan terakhir, had harga dalam perenggan di atas tidak dikenakan ke atas dagangan dalam Kontrak bulan terkini.</li></ul>
<b>Hari Dagangan Akhir dan Tarikh Matang</b>	Kontrak luput pada waktu tengah hari, pada hari ke-15 dalam bulan terkini, atau jika hari ke-15 tersebut ialah hari bukan pasaran, maka ia akan luput pada Hari Dagangan sebelumnya
<b>Nilai Penyelesaian Akhir</b>	Pada hari dagangan akhir, Nilai Penyelesaian Akhir akan dirujuk kepada harga rasmi timah fizikal yang diterbitkan oleh KLTM.
<b>Had Pegangan Spekulatif</b>	Bilangan maksimum pegangan belian bersih atau pegangan jualan bersih yang boleh dipegang atau dikawal oleh pelanggan atau peserta dagangan ialah: 500 kontrak untuk bulan terkini 1000 kontrak untuk semua bulan dihimpunkan